

22 JUL 2003

Sukan-Selat Inggeris (previu)/I  
MALIK AKAN REALISASIKAN IMPIANNYA JUMAAT

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (London), 22 Julai (Bernama) -- Setelah empat tahun membuat persediaan serius, perenang marathon Malaysia Abdul Malik Mydin dijadual merealisasikan impiannya menyeberangi Selat Inggeris sejauh 32.8km itu Jumaat ini.

Walaupun masa tepat untuk beliau membuat renangan itu belum ditetapkan, persiapan sudah ditahap maksimum.

Para pegawai "Channel Swimming and Piloting Federation" (CSPF) hari ini membuat keputusan membatalkan cubaan renangan Malik yang dijadualkan esok kerana cuaca buruk. Mereka menetapkan Jumaat ini sebagai tarikh baru.

Menurut jurulatih Malik, John Van Wisse setakat ini segala-galanya berjalan mengikut jadual dan renangan itu akan diteruskan kecuali masa yang tepat untuk berbuat demikian, belum diputuskan.

Pasang surut air di selat itu tidak dapat diramal tetapi keadaannya baik dari 23 hingga 27 Julai kerana arus cukup baik untuk berenang... ia dikenali sebagai pasang surut anak, kata Van Wisse.

"Kebanyakan renangan dibuat semasa pasang surut anak yang berlaku setiap 14 hari sebulan dan sepanjang tempoh ini, arus lebih tenang dan selamat untuk berenang, katanya.

Jika keadaan pasang surut tidak berubah, renangan itu akan ditangguhkan selepas 5 Ogos semasa pasang surut anak berikutnya, katanya.

"Inilah satu-satunya faktor yang kita tidak dapat kawal tetapi sangat penting bagi menentukan kejayaan sesuatu renangan," kata Van Wisse.

Malah katanya, perenang berusia 28 tahun itu sudah sedia untuk melakar sejarah -- menjadi rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama merentasi cabaran selat yang setakat ini telah dilakukan oleh 7,000 perenang tetapi hanya 600 perenang sahaja yang berjaya setakat ini.

Misinya mudah -- membuktikan rakyat Malaysia mampu mengatasi cabaran selaras wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat rakyat Malaysia berdiri setaraf dengan mereka yang telah mencapai kejayaan.

"Kebanyakan renangan dibuat semasa pasang surut anak yang berlaku setiap 14 hari sebulan dan sepanjang tempoh ini, arus lebih tenang dan selamat untuk berenang, katanya.

Jika keadaan pasang surut tidak berubah, renangan itu akan ditangguhkan selepas 5 Ogos semasa pasang surut anak berikutnya, katanya.

"Inilah satu-satunya faktor yang kita tidak dapat kawal tetapi sangat penting bagi menentukan kejayaan sesuatu renangan," kata Van Wisse.

Malah katanya, perenang berusia 28 tahun itu sudah sedia untuk melakar sejarah -- menjadi rakyat Malaysia dan Asia Tenggara pertama merentasi cabaran selat yang setakat ini telah dilakukan oleh 7,000 perenang tetapi hanya 600 perenang sahaja yang berjaya setakat ini.

Misinya mudah -- membuktikan rakyat Malaysia mampu mengatasi cabaran selaras wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat rakyat Malaysia berdiri setaraf dengan mereka yang telah mencapai kejayaan.

Malah untuk merenangi selat itu, bukan tugas mudah terutama arus serta ombak yang kuat, tetapi ia tidak akan menjadi penghalang usaha Malik yang ternyata tidak sabar-sabar lagi untuk merealisasikan renangan bersejarah itu.

"Segala-galanya sudah sedia dan tidak ada apa-apa lagi yang dapat menghalangnya. Saya begitu yakin terutama dengan sokongan rakyat Malaysia.

Saya akan berenang bagi pihak semua rakyat Malaysia di tanah air dan akan membuktikan kepada dunia bahawa "Malaysia Boleh," kata Malik.

Walaupun masanya belum ditetapkan, Malik dijangka memulakan renangan dari Shakespeer Beach Dover dan akan berenang merentas selat itu hingga ke Calais France dalam masa 12 jam, seperti sasaran.

"Inilah masa terbaik untuk melakukan renangan semasa pasang surut anak dan arus lebih perlahan. Kebanyakan perenang pasti tidak mahu melepaskannya," kata Malik.

Renangannya akan dipantau oleh juruterbang CSPF yang diketuai Michael Oram yang telah melakukan pemantauan arus air di selat itu sejak minggu lepas.

Menurut Malik beliau memilih berenang pada waktu malam kerana keadaan selat itu lebih stabil.

"Pada waktu malam, keadaan lebih baik berbanding siang hari yang berangin. Angin kencang akan menyebabkan arus dan ombak kuat dan sukar untuk perenang mengekalkan konsistensi," katanya.

Beliau berkata lebih banyak cabaran lebih baik tetapi kita perlu patuhi nasihat daripada CSPF terutama masa yang sesuai untuk membuat renangan.

Bekas pelumba basikal itu dijangka menyelesaikan renangan dalam masa 14 jam sebelum sampai ke tempat penamat di Cap Griz Nez Calais.

Jika beliau berjaya merealisasikan misi itu, Malik akan menjadi orang kedua Asia merentas selat itu.

Zhang Jian merupakan penduduk Asia pertama melakukan renangan itu yang dilakukannya pada 22 Mei, 2000 dalam masa 12 jam tanpa henti dalam air bersuhu 17 celcius.

Rekod terpanjang setakat ini dipegang oleh rakyat Amerika, Chad Hundebly yang merentasi selat itu dalam masa 7 jam 17 minit yang dilakukannya pada 27 Sept 1999.

Sebelum renangan Selat Inggeris, Malik telah melakukan beberapa percubaan di peringkat tempatan dan luar negeri.

Pencapaian terbaiknya ialah merentasi Selat Melaka sejauh 48km dari Kuala Perlis ke Langkawi, Mei lepas.

Tahun lepas, Malik memenangi tempat kelima daripada 20 peserta yang mengambil bahagian dalam renangan sejauh 26.4km dari Rafles Weild ke Zurich.

Malik juga berenang membawa obor Sukan SEA 2001 dari Bukit Tambun ke Pulau Aman. Sebelum itu, beliau berenang merentas Padang Kotake Butterworth pada 1999 bagi mengutip dana untuk Tabung Kosovo.

Sementara itu, doktor peribadi Malik Prof Dr Ahmad Farouk Musa semasa ditanya mengenai tahap kecergasan Malik, berkata perenang itu sudah bersedia untuk cabaran itu.

"Degupan jantungnya hebat yang menunjukkan beliau sangat cergas dan berdasarkan pemerhatian saya, tenaganya boleh bertahan sehingga 20 jam tanpa henti. Kali terakhir saya memeriksanya sebelum berlepas ke London, degupan jantungnya 56 dan tahap itu sangat sesuai untuk perenang marathon... sangat mantap," katanya.

Dr Farouk juga berkata beliau akan mengikuti Malik sepanjang renangan itu menggunakan bot khas bagi memantau keadaan.

"Mentalnya kuat dan sudah sedia untuk cabaran itu dan kecederaan yang dialaminya dalam kemalangan jalan raya Mei lepas, tidak menjejaskan perenang itu," katanya.

Bagi memberi dorongan kepada Malik Jumaat ini, beribu-ribu penyokong yang kebanyakannya rakyat Malaysia yang tinggal di London, akan menyaksikan saat bersejarah itu.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein juga sudah tiba di Dover untuk memberi perangsang kepada Malik.

-- BERNAMA

AHA LAT